

di/FUPEP

**PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT
KADAYAN: SATU KAJIAN DI SIPITANG,
SABAH.**

INTAN AZIRAH ABDUL RAHMAN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS


**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 November 2008



Intan Azirah Binti Abdul Rahman
PS03-003-006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : INTAN AZIRAH BINTI ABDUL RAHMAN

NO. MATRIK : PS03-003-006

**TAJUK : PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT KADAYAN:
KAJIAN KES DI SIPITANG SABAH**

**IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA
(ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI)**

TARIKH VIVA : 10 JUN 2008



DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Jacqueline P. Kitingan

2. PENYELIA KEDUA

Prof. Madya Hasan Mat Nor

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis sarjana ini. Pertama kepada kedua ibu bapa saya Abdul Rahman Mustaffa dan Ramlah Osman serta suami saya Samli Maidi yang begitu memahami dan tidak jemu-jemu memberi sokongan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak UMS yang menerima permohonan untuk saya melanjutkan pelajaran keperingkat sarjana serta memberi bantuan kewangan kepada saya untuk meneruskan pengajian. Ucapan terima kasih juga kepada Yg. Bhg. Prof. Datin Maryati Mohamed yang telah banyak memberi sokongan dan nasihat kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Tidak ketinggalan kepada penyelia utama saya Prof. Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan dan Prof. Madya Hasan Mat Nor selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan bersabar dengan kerenah saya serta memberi tunjuk ajar yang amat berguna kepada saya dalam melaksanakan kajian ini sehingga terhasilnya tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Kntayya Maliappan yang banyak memberi idea dan membuka minda saya semasa menjalankan kajian ini sehingga terhasilnya tesis ini.

Selain itu juga jutaan terima kasih saya kalungkan kepada penduduk Kadayan terutamanya di Kampung Ulu Sipitang yang sudi menerima saya dan memberi kerjasama yang sebaik mungkin untuk saya menyiapkan kajian di kampung tersebut. Terima Kasih kepada keluarga Tarsat Kassim dan Johari Hashim yang menerima dan sudi menjadikan saya sebagai anak angkat serta membantu saya untuk mengumpul maklumat dan data yang diperlukan dalam kajian ini. Kepada En. Hj. Osman Ahmed, En. Harith Rahim, En. Hj Hamit Saban, En. Amdee Sidik dan En. Hj Sahidil Talip yang banyak membantu saya serta membimbing untuk lebih memahami budaya masyarakat Kadayan. Segala kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang melakukan kajian ini amat-amat bermakna dan hanya Allah sahaja dapat membalas budi baik kalian semua.

Tidak ketinggalan juga kepada mereka yang terlibat secara tidak langsung semasa saya menyiapkan kajian ini. Kepada Mosli tarsat yang memberi buah fikiran dan membuka minda saya untuk membuat kajian ini diucapkan terima kasih. Tidak lupa juga kepada sahabat perjuangan yang sama-sama mengaharungi susah payah bersama. Semua pengalaman yang saya perolehi semasa melakukan kajian ini saya anggap cabaran buat diri saya sebagai seorang pelajar dan masa hadapan. Segala jasa baik dan budi kalian semua kepada saya amat bernilai dan tidak terbalas dengan kata-kata. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Sekian Terima Kasih.

Intan Azirah Binti Abdul Rahman
15 Jun 2008

ABSTRAK

PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT KADAYAN: KAJIAN KES DI SIPITANG SABAH

Tesis ini merupakan satu kajian yang menggunakan kaedah etnografi dalam meneliti budaya yang dimiliki oleh masyarakat Kadayan di Sabah. Masyarakat Kadayan merupakan salah satu daripada masyarakat minoriti di Sabah. Tumpuan utama petempatan mereka di Daerah Sipitang iaitu kawasan pedalaman Sabah. Kajian ini dilakukan ialah untuk memahami mengenai sejarah komuniti ini. Aspek-aspek organisasi sosial, kegiatan ekonomi, elemen-elemen yang berkaitan dengan adat seperti perkahwinan, institusi kekeluargaan dan persanakan, bahasa, kepercayaan agama (world view) dan peralatan tradisi turut diketengahkan dalam pengkajian ini. Sebagai masyarakat yang mengalami perubahan dari segi pembangunan yang mempengaruhi budaya tradisi dan gaya hidup masyarakat ini. Disebabkan semua proses ini menunjukkan komuniti ini sedang menghadapi proses lenyap, justeru itu usaha untuk mendokumentasikan budaya komuniti ini perlu dilakukan dengan segera supaya khazanah dan tradisi dapat dikekalkan. Oleh yang demikian tujuan tesis ini dilakukan ialah untuk mendokumentasikan sejarah, memperihalkan organisasi sosial, sistem adat, kepercayaan serta aktiviti ekonomi komuniti ini, impak daripada perubahan dan pembangunan sosial yang berlaku dalam masyarakat serta amalan ritual komuniti ini. Upacara Makan Tahun merupakan budaya tradisi yang masih dipertahankan oleh komuniti ini. Selain itu terdapat juga kepercayaan-kepercayaan animisme yang bercampur aduk dengan pegangan agama Islam yang dianuti oleh komuniti ini. Masyarakat Kadayan ini mempercayai terdapatnya semangat-semangat supernatural sama ada baik atau jahat yang memerlukan pemujaan supaya tidak mengganggu dan malapetaka dalam masyarakat ini. Masyarakat kadayan percaya jika melanggar pantang larang yang ditetapkan dan menimbulkan kemarahan kepada makhluk halus dan ghaib sehingga mendatangkan mala petaka dan bencana bukan sahaja kepada individu tetapi kepada ahli masyarakat yang lain. Akibat daripada perkembangan agama Islam telah menyebabkan komuniti ini diasimilasikan dalam kelompok masyarakat yang majoriti. Perubahan komuniti juga dipengaruhi oleh aspek ekonomi dan pendidikan telah membawa perubahan sehingga ciri-ciri tradisi komuniti ini beransur-ansur hilang dan berubah. Arus globalisasi dan media juga turut mempengaruhi perubahan dalam komuniti dimana komuniti ini mula menyerap budaya universal melalui perkembangan media masa, pergaulan harian, proses pendidikan serta pekerjaan. Pengkajian tesis ini menggunakan kaedah metodologi yang utama iaitu *participant observation* (pemerhatian turut serta). Kaedah ini telah menuntut untuk tinggal bersama-sama dan melibatkan diri dengan komuniti ini secara berterusan. Selain itu juga penyelidik menggunakan kaedah temuramah, kajian perpustakaan dan gambar foto. Responden kajian ini terdiri daripada orang-orang tua, ketua-ketua kampung, bekas ketua kampung serta orang-orang yang terlibat dan tahu mengenai budaya dan cara hidup tradisi masyarakat Kadayan.

ABSTRACT

This thesis examines the culture of the Kadayan in Sabah. The Kadayan are a minority community in Sabah, and are mainly located in the Sipitang District in the interior of Sabah. This study was carried out to understand the history of the community. Aspects of social organization, economic activities, elements of adat, marriage, the family institution and descent, language, religious beliefs (world view), and material culture are also discussed in this thesis. Since the community is experiencing rapid change, it was essential to quickly document the culture of the community as a record of their heritage and traditions. Thus, the purpose of this thesis is to document the history, examine the social organization, adat and belief system together with the economic activities of the community, as well as the impacts of social change and development on the society including the rituals of the community. The Makan Tahun ritual series is part of the traditional culture, which is still maintained by this community. In addition to this, there are also animistic beliefs that are mixed with the Islamic religious convictions observed by this community. The Kadayan believe there are good and evil supernatural powers that must be placated so that they will not disturb or harm people. They believe that if ritual prohibitions are broken, this will anger the spirits who will bring misfortune and calamity not only to the individual concerned but to other members of the society as well. As a result of the spread of Islam, the community is becoming assimilated into larger ethnic groups which form the majority. Economic development and education have also brought changes so that little by little the traditions of the community are changing and many are becoming lost. With globalization, the community has absorbed elements of "universal culture" through the mass media, education and paid employment. Research for this thesis was based mainly on participant observation, whereby the researcher lived in the community. It included interviews with elders, village headmen, former village leaders and cultural experts in the Kadayan community, and photographic documentation, as well as a literature survey.

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI FOTO	xiv
ISI KANDUNGAN	

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Pendekatan Teoretikal	5
1.5	Konsep	
1.5.1	Konsep Komuniti	7
1.5.2	Konsep Pandang Dunia	9
1.5.3	Konsep Ritual	10
1.5.4	Konsep Perubahan dan Pemodenan	12
1.6	Kaedah Kajian	14
1.7	Sorotan Literatur	
1.7.1	Masyarakat Kadayan	16
1.7.2	Perubahan Sosial	22
1.8	Skop Kajian	24
1.9	Kepentingan Kajian	24

BAB 2: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MASYARAKAT KADAYAN

2.1	Pengenalan	26
2.2	Penggolongan Komuniti Kadayan melalui Bahasa	26
2.3	Definisi: Istilah Masyarakat Kadayan	28
2.4	Sejarah Asal Usul Masyarakat Kadayan	32
2.5	Asal Usul Kampung Manangah Ulu Sipitang dan Kampung Pantai di Daerah Sipitang	34
2.6	Pola Penduduk Kadayan di Kampung Manangah	39
2.7	Bentuk Rumah Masyarakat Kadayan	40
2.8	Taburan Penduduk Masyarakat Kadayan di Sabah Sekitar Tahun 1970 Dan 2000	44

2.9	Perubahan Infrastruktur	46
2.10	Penutup	48

BAB 3: ORGANISASI SOSIAL MASYARAKAT KADAYAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Sistem Kekeluargaan dan Persanakan	50
3.3	Perkahwinan dan Penceraian dalam Masyarakat Kadayan	
3.3.1	Corak Perkahwinan Antara Sepupu dalam Masyarakat Kadayan	51
3.3.2	Adat Bertunang Masyarakat Kadayan	53
3.3.3	Adat Bersanding Masyarakat Kadayan	62
3.3.4	Adat Mulih Tiga Hari	68
3.3.5	Penceraian dalam Masyarakat Kadayan	68
3.4	Perwarisan dan Pemilikan Harta Pusaka dalam Masyarakat Kadayan	70
3.5	Pola Kediaman Selepas Berkahwin	71
3.6	Pola Kediaman Masyarakat Kadayan di Kampung Manangah, Ulu Sipitang, Sabah	72
3.7	Sistem Panggilan dalam Keluarga Masyarakat Kadayan	74
3.8	Sistem Kekuasaan Masyarakat Kadayan	78
3.9	Perubahan Pentadbiran dan Pemimpinan Kampung Masyarakat Kadayan	80
3.10	Tanah dan Pertanian Masyarakat Kadayan	82
3.11	Peranan Anggota Masyarakat Kadayan	84
3.12	Perubahan Ekonomi dalam Masyarakat Kadayan	86
3.13	Penutup	88

BAB 4: PANDANG DUNIA, KEPERCAYAAN DAN UPACARA TRADISI DALAM MASYARAKAT KADAYAN

4.1	Pengenalan	93
4.2	Pandangan Dunia Masyarakat Kadayan	
4.2.1	Konsep Manusia, Alam Pencipta, Alam Syurga dan Alam Neraka	96
4.2.2	Konsep Mengenai Alam dan Tahun-tahun dalam Masyarakat Kadayan	96
4.2.3	Kuasa Supernatural	99
4.2.4	Semangat Padi	101
4.3	Pantang Larang dalam Masyarakat Kadayan	102
4.4	Amalan Tradisi Lain dalam Masyarakat Kadayan	104
4.5	Kepercayaan Perbomohan Masyarakat Kadayan	107
4.6	Upacara <i>Anding</i> dalam Masyarakat Kadayan	109
4.7	Upacara Tolak Bala dalam Masyarakat Kadayan	113
4.8	Nilai Kepercayaan Masyarakat Kadayan	116
4.9	Perubahan Kepercayaan dan Amalan Tradisi	

	Masyarakat Kadayan	118
4.10	Penutup	119
 BAB 5: UPACARA MAKAN TAHUN DALAM BUDAYA MASYARAKAT KADAYAN		
5.1	Pengenalan	121
5.2	Kepentingan Upacara Makan Tahun Kepada Masyarakat Kadayan	121
5.3	Upacara Makan Tahun Masyarakat Kadayan	125
5.3	Permainan Tradisional Masyarakat Kadayan Yang Dimainkan Semasa Upacara Makan Tahun Diadakan	
	5.3.1 <i>Mengemping</i>	130
	5.3.2 <i>Bertingkol</i>	132
	5.3.3 Permainan <i>Buai Mandai</i>	133
	5.3.4 Permainan <i>Kuhit</i>	134
	5.3.5 Permainan Gasing	135
5.4	Perubahan Upacara Makan Tahun Dan Kepentingan Sekarang	138
5.5	Persatuan Kadayan Sabah (Sedaya)	140
5.6	Penutup	141
 BAB 6: KESIMPULAN		154
 BIBLIOGRAFI		162
 LAMPIRAN		170



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 2.1: Bilangan Penduduk Kadayan Di Sabah Tahun 1970	45
Jadual 2.2: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Bagi Daerah Sipitang Mengikut Banci Penduduk Tahun 2000	45
Jadual 3.1: Peranan yang dimainkan oleh individu dalam masyarakat Kadayan.	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1.1: Struktur Konsep Teoretikal	6
Rajah 2.1: Rumah Masyarakat Kedayan.	41
Rajah 2.2: Bahagian Dalam Rumah Masyarakat Kadayan	42
Rajah 3.1: Perkahwinan Antara Sepupu Yang Tidak Dibenarkan.	51
Rajah 3.2: Perkahwinan Antara Sepupu Yang Dibenarkan.	53
Rajah 3.3: Susunan <i>Celapa</i> Menghantar Semasa Pihak Lelaki Menghantar Pinangan	60
Rajah 3.4: Susunan <i>Celapa</i> Menandakan Pinangan Diterima	61
Rajah 3.5: Susunan <i>Celapa</i> Menandakan Pinangan Ditolak	61
Rajah 3.6: Corak Rumah-rumah Kekeluargaan di Kampung Menangah Ulu Sipitang	76
Rajah 3.7: Sistem Panggilan Dalam Masyarakat Kadayan	77
Rajah 3.8: Struktur Kekuasaan Masyarakat Kadayan	79
Rajah 4.1: Susun Lapis Kepercayaan Masyarakat Kadayan	95
Rajah 4.2: Perbezaan Antara Bomoh dan Pantak Masyarakat Kadayan	109
Rajah 5.1: Kepentingan Beras Dalam komuniti Kadayan	124
Rajah 5.2: Perubahan Kepentingan Padi kepada Masyarakat Kadayan Sekarang	138

SENARAI PETA

Muka surat

Peta 1.1: Peta Kawasan Kajian Daerah Sipitang, Sabah.	3
Peta 2.1: Kawasan Petempatan Masyarakat Kadayan	35
Peta 2.2: Kedudukan Kampung Ulu Sipitang dan Kampung Pantai	39
Peta 2.3: Pola Petempatan Kampung Manangah Ulu Sipitang	40



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Muka surat
Foto 2.1: Kemudahan Surau Di Kampung Pantai, Sipitang, Sabah	53
Foto 2.2: Papan Tanda Kampung Pantai, Sipitang, Sabah	53
Foto 3.1: Pengantin Lelaki Dipimpin Oleh <i>Pak Andam</i>	93
Foto 3.2: Persandingan Dalam Masyarakat Kadayan Zaman Moden	93
Foto 3.3: Menyambut Pengantin Semasa Adat Muli Tiga Hari	94
Foto 3.4: Petani Sedang Mengusahakan Tanaman Padi	94
Foto 3.5: Responden Menunjukkan Kawasan Tanaman Padi	95
Foto 3.6: Gambar Sulap Kawasan Sawah Padi Masyarakat Kadayan di Kampung Pantai Sipitang, Sabah	95
Foto 3.7: Gambar Padi Yang Ditanam Oleh Masyarakat Kadayan Di Kampung Pantai	96
Foto 4.1: Bahan-bahan Yang Digunakan Dalam Upacara	125
Foto 4.2: Gambar Ritual <i>Anding</i> sedang dilakukan	125
Foto 5.1: <i>Penghuar Emping</i> Yang Digunakan Untuk Membuat Emping	148
Foto 5.2: Kaum Lelaki <i>Berusah</i> Semasa Makan Tahun	148
Foto 5.3: Kaum Lelaki Memasak	149
Foto 5.4: Kaum Wanita Turut Membantu	149
Foto 5.5: Semua Penduduk Kampung Bergotong Royong	150
Foto 5.6: Sama-sama Memasak	150
Foto 5.7: Pembahagian Tugas membuat Kuih Tradisi	151
Foto 5.8: Kaum Perempuan <i>berusah</i> Membuat Kuih Tradisi	151
Foto 5.9: Kaum Wanita Membungkus Kuih Kalupis Beramai-ramai	152
Foto 5.10: Cara Menjalin Kuih <i>Kalupis</i>	152
Foto 5.11: Kuih <i>Kalupis</i> dijalin	153

Foto 5.12: Kuih Tradisi Masyarakat Kadayan Yang Dihidangkan Semasa Upacara Makan Tahun 153

Foto 5.13: Makanan *Tapai* Dalam Masyarakat Kadayan 154

Foto 5.14: Antara Kuih Tradisional Masyarakat Kadayan. 154

Foto 5.15: Kuih *Kalupis* Yang Dijalin Dengan Tali Tigis 155

Foto 5.16: Makanan Dihidangkan Kepada Tetamu Semasa Majlis Makan Tahun Diadakan 155

Foto 5.17: Pasukan Gasing Kadayan Sabah 156

Foto 5.18: Peralatan Membuat Gasing 156

Foto 5.19: Responden Membuat Gasing 157

Foto 5.20: Cara Memintal Tali Gasing 157

Foto 5.21: Gasing *Andah* Masyarakat Kadayan 158



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian etnografi merupakan satu bentuk penyelidikan budaya yang menumpukan perhatian kepada membuat gambaran dan huraian mengenai sesebuah budaya. Malinowski merupakan seorang antropologi yang mula memperkenalkan kaedah etnografi dalam kajian mengenai budaya sesebuah masyarakat. Tujuan utama kajian etnografi seperti yang dijelaskan oleh Malinowski ialah untuk memahami cara hidup dari sudut pandangan anggota masyarakat yang dikaji.

"to grasp the native's point of view, his relation to life, to realize his vision of his world"

(Malinowski yang dipetik dalam Hashim Awang, 1996:5)

Antara takrif budaya yang terawal dikemukakan oleh Taylor (yang dipetik dalam Hashim Awang 1996) ialah budaya merupakan satu keseluruhan cara hidup masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti ilmu pengetahuan, undang-undang, ekonomi, politik, agama dan kepercayaan. Takrifan Taylor ini telah mendapat perhatian ramai pengkaji budaya pada masa itu kerana beliau merupakan pengkaji yang terawal dapat membezakan antara budaya dan tamadun. Takrifan budaya yang dikemukakan oleh Taylor adalah bersifat umum pada masa sekarang. Menurut Keesing (yang dipetik dalam Hashim Awang 1996) takrifan yang dikemukakan oleh Taylor menjadi satu titik tolak dalam pengkajian budaya yang mewujudkan konsep-konsep budaya yang menggambarkan mengenai sistem adaptif dan sistem struktur masyarakat.

Sabah mempunyai lebih kurang 50 etnik suku kaum (King & King, 1984). Masyarakat Kadazan-Dusun antara masyarakat yang terbesar di Sabah. Selain itu terdapat juga kelompok etnik minoriti antaranya Suluk,



Tidong, Bisaya dan Kadayan .Masyarakat yang dikaji di sini ialah masyarakat Kadayan. Menurut Bancian Penduduk Tahun 2000, komuniti Kadayan mempunyai jumlah penduduk lebih kurang 15,000 orang. Masyarakat ini boleh didapati di bahagian pedalaman Sabah iaitu di Sipitang, Beaufort, Wilayah Persekutuan Labuan dan beberapa tempat lain di selatan Sabah. (sila rujuk peta 1.1).

Disebabkan kedudukannya yang tersisih dan terpinggir daripada masyarakat majoriti lain yang terdapat di Sabah maka kajian mengenai komuniti ini harus dilakukan. Oleh itu tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk membongkar keunikan budaya yang terdapat dalam komuniti Kadayan iaitu upacara Makan Tahun melalui pendekatan etnografi.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Peta 1.1: Peta Kawasan Kajian Daerah Sipitang, Sabah



Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah, Malaysia 1975

1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Kadayan merupakan kelompok etnik minoriti di Sabah. Menurut banci penduduk Sabah tahun 2001 hanya seramai 35 000 ribu orang sahaja dalam kelompok Kadayan. Banci penduduk menunjukkan bahawa komuniti ini telah diserap dan diklasifikasikan dalam masyarakat yang dominan sama ada dari segi pentadbiran, ekonomi dan sosial. Oleh itu kajian mengenai masyarakat Kadayan penting dilakukan segera sebelum terlambat. Persoalan kajian ini ialah Apakah keunikan yang terdapat dalam budaya masyarakat Kadayan?.

Amalan Makan Tahun dalam komuniti ini merupakan budaya tradisi yang mengikat ahli dalam komuniti Kadayan dari segi pentadbiran, ekonomi dan sosial. Melalui upacara ini, masyarakat Kadayan dapat membentuk budaya yang membezakan mereka dengan etnik lain di Sabah. Amalan Makan Tahun merupakan budaya tradisi yang masih diamalkan sehingga sekarang. Persoalan yang diungkapkan disini ialah kenapa amalan Makan Tahun penting dalam budaya masyarakat Kadayan?. Bagaimanakah amalan Makan Tahun dapat dipertahankan?

Komuniti ini sentiasa berhadapan dengan suasana yang mencabar kewujudannya sebagai kelompok etnik. Antara cabaran yang ditempuhi oleh komuniti ini ialah perubahan sosial yang berlaku kesan daripada kepesatan pembangunan. Arus globalisasi dan media telah mendedahkan budaya universal dan komuniti mula menyerap budaya universal melalui perkembangan media massa, pergaulan harian, proses pendidikan serta pekerjaan. Proses perubahan ini menyebabkan ciri-ciri tradisi komuniti Kadayan beransur-ansur hilang. Persoalan kajian ialah bagaimanakah komuniti Kadayan dapat mempertahankan budaya tradisi daripada pengaruh modenisasi?. Apakah perubahan-perubahan yang berlaku dalam budaya komuniti ini?. Kenapa komuniti ini perlu mengekalkan identiti mereka?.

1.3 Objektif Kajian

Komuniti ini sedang menghadapi proses lenyap akibat daripada perubahan dalam proses pembangunan. Justeru itu, usaha untuk mendokumentasikan budaya komuniti perlu dilakukan segera supaya khazanah dan tradisi dapat dikekalkan.

Oleh yang demikian, tujuan tesis ini dilakukan ialah untuk membongkar keunikan budaya tradisi komuniti Kadayan seperti upacara Makan Tahun melalui pendekatan etnografi.

Terdapat tiga objektif utama dalam melakukan kajian ini:

- 1.3.1 Membincangkan mengenai sejarah dan budaya komuniti Kadayan disamping menghuraikan organisasi sosial, pengamalan kepercayaan tradisi dan agama komuniti ini.
- 1.3.2 Memperihalkan ritual Makan Tahun yang menjadi satu amalan penting dalam menyatu padukan komuniti Kadayan.
- 1.3.3 Mengupas perubahan-perubahan yang berlaku dalam budaya dan gaya hidup komuniti Kadayan.

1.4 Pendekatan Teoretikal


Disebabkan kajian ini bersifat etnografi, maka tidak ada teori yang khusus dalam kajian ini. Kajian ini hanya mengeksplorasi teori dan bukan menguji teori. Penyelidikan secara tinjauan ini pernah dilakukan oleh Allen Maxwell dalam kajiannya mengenai masyarakat Kadayan di Brunei. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah pengkajian yang sama yang digunakan oleh Allen Maxwell untuk mengkaji masyarakat Kadayan di Sabah.

Kaedah pengkajian etnografi mula diperkenalkan oleh Malinowski (Hashim Awang, 1996). Beliau mengkaji budaya komuniti Trobriand di Kepulauan Trobriand, Papua New Guinea selepas Perang Dunia Pertama tamat. Beliau merupakan pengkaji antropologi yang terawal menggunakan kaedah pemerhatian turut serta sebagai salah satu kaedah kajian. Beliau tinggal bersama-sama dengan masyarakat tempatan dan belajar mengenai bahasa, budaya serta membina hubungan yang rapat dengan masyarakat Trobriand. Beliau menggunakan kaedah dokumentasi secara ikut serta dalam kajiannya. Berbanding dengan pengkaji lain pada masa itu yang hanya menggunakan kaedah temubual secara struktur. Beliau

mendokumentasikan dan merekod semua aktiviti yang dilakukan bersama-sama dengan komuniti itu. Beliau turut menggunakan konsep pandang dunia dan ritual dalam pengkajian komuniti ini.


Struktur pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang terdapat dalam Gambar Rajah 1.1;

Rajah 1.1: Struktur Pendekatan Kajian



Gambar rajah 1.1 menunjukkan aspek-aspek pandang dunia, ritual, sejarah serta organisasi sosial dan perubahan dan pembangunan dalam komuniti Kadayan diperjelaskan dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian kajian ini mengkaji mengenai budaya masyarakat secara menyeluruh terutama aspek organisasi sosial, keagamaan dan kepercayaan serta perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat ini. Kajian ini bersifat kualitatif dimana budaya komuniti yang dikaji

Peta 2.1: Kawasan Petempatan Masyarakat Kadayan



Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah, Malaysia 1975

Peta 2.1 menunjukkan petempatan masyarakat Kadayan adalah di sepanjang Sungai Mengalong. Menurut Allen Maxwell (1969), beliau menjelaskan bahawa masyarakat Kadayan memilih kawasan di pinggir-pinggir sungai bagi memudahkan kerja-kerja penanaman padi dijalankan. Anak panah **A** menunjukkan kawasan *Marintaman* (Merintaman) yang dimaksudkan oleh responden sebagai asal usul petempatan masyarakat Kadayan di Sabah. Kawasan petempatan ini berpindah ke kawasan *Naparan* seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **B**. Justeru petempatan masyarakat Kadayan di Sipitang akhirnya berpindah ke kawasan Ulu Sipitang.

Menurut Haji Hashim Bin Saban Kampung Menengah Ulu Sipitang dibuka sekitar tahun 1940an oleh tiga orang yang gagah berani daripada penduduk Kadayan yang berpindah dari Brunei ke Sabah pada mulanya. Mereka ialah *Liau*

dihurai secara diskriptif. Maka pendekatan teoritikal perubahan digunakan untuk melihat dan memahami budaya tradisi masyarakat Kadayan ini.

Kajian ini menggunakan pendekatan teori dan disesuaikan dengan kajian ini. Konsep yang digunakan untuk menganalisa dalam kajian ini ialah aspek sejarah, organisasi sosial, pandang dunia, ritual dan perubahan dan pembangunan. Aspek-aspek ini ditekankan dalam mengkaji komuniti Kadayan yang terpaksa berhadapan dengan pengaruh modenisasi.

1.5 Konsep

Konsep komuniti, pandang dunia, ritual dan perubahan dan pembangunan dalam kajian ini. Konsep-konsep tersebut akan memandu perbincangan dalam kajian ini untuk mendekati komuniti Kadayan dalam satu perbincangan yang menyeluruh.

1.5.1 Konsep Komuniti

"...As soon as our attention turns from a community as a body of houses and tools and institutions to the states of mind of particular people, we are turning to the exploration of something immensely complex and difficult to know...." (Barnard & Spencer, 1996: 116)

Konsep mengenai komuniti merupakan sesuatu yang amat umum dan seringkali digunakan dalam bidang sains sosial untuk mengenalpasti kelompok kumpulan minoriti dalam masyarakat. Komuniti menjelaskan satu kumpulan manusia yang tinggal di dalam satu kelompok masyarakat yang besar, berkongsi budaya yang sama, saling berinteraksi serta mempunyai kepercayaan yang sama. Manakala ahli biologi menjelaskan bahawa komuniti dapat dilihat melalui ekologi yang wujud daripada kesalingbergantungan dengan populasi tumbuhan dan haiwan (Barnard & Spencer, 1996: 251).

"Community is a term used for everything from a small hamlet to a very large area and often includes nonresidents"

who are part of the same ethnic group. Today, the term can refer to those who are part of the same religious group or other common affiliation regardless of wherethey live...."
(Russell & Harshbarger, 2002:79)

Komuniti merujuk kepada semua manusia daripada kawasan petempatan yang kecil kepada kawasan yang besar serta termasuk penduduk setempat daripada kumpulan etnik yang sama. Komuniti mempunyai pegangan agama yang sama dalam kumpulannya dan mempunyai persamaan dari segi *affiliation* dengan tempat tinggal (Russell & Harshbarger, 2002: 79).

Seperti yang dinyatakan oleh Robert Redfield yang dipetik dalam Barnard & Spencer (1996) menyatakan bahawa komuniti mempunyai empat aspek yang utama iaitu:

"...1) smallness of social scale, 2) a homogeneity of activities and states of mind of members, 3) a consciousness of distinctiveness and 4) self-sufficiency across a broad range of needs and through time..." (Barnard & Spencer, 1996: 114)

Dalam konteks kajian ini, konsep komuniti merujuk kepada masyarakat Kadayan. Definisi ini seperti yang dinyatakan dalam Russell & Harshbarger dimana ahli komuniti tinggal bersama-sama dalam satu kawasan yang sama, berkongsi bahasa, budaya dan mempunyai kepercayaan agama yang sama. Komuniti ini merupakan kumpulan masyarakat yang minoriti dan perlu mempertahankan budaya mereka daripada diserap dalam budaya komuniti lain yang tinggal di kawasan berhampirannya. Oleh itu, ahli komuniti Kadayan mempunyai kampung dimana penduduknya adalah majoriti Kadayan. Dalam daerah Sipitang terdapat lima buah kampung yang mempunyai penduduknya majoriti Kadayan iaitu Kampung Ulu Sipitang, Kampung Palakat, Kampung Pantai, Kampung Bangsal dan Kampung Sindumin.

1.5.2 Konsep Pandang Dunia

Pandang dunia atau *world view* adalah salah satu cara bagi komuniti melihat dan menilai alam semulajadi dan kuasa alam ghaib dengan kehidupan realiti mengikut persepsi mereka sendiri.

"...The breath of life and reality which he breathes and by which he lives. Every human culture gives its members a definite vision of the world, a definite zest of life. In the roamings over human history, and over the surface of the earth, it is the possibility of seeing life and the world from the various angles, peculiar to each culture, that has charmed me most, and inspired me with the real desire to penetrate other cultures, to understand other types of life..." (Kearney, 1988:37)

Bagi Malinowski yang dipetik dalam Kearney (1988) menjelaskan bahawa aspek pandang dunia merupakan satu aspek yang paling menarik untuk diteliti dan penting dalam memahami sesuatu komuniti atau masyarakat. Pandang dunia yang dimiliki dalam sesuatu komuniti atau masyarakat dapat membantu dan memberi panduan sesuatu masyarakat lain untuk melihat budaya masyarakat yang berbeza dari sudut pandangan masing-masing. Berdasarkan pandangan masyarakat itu sendiri yang mengaitkan hubungan antara alam semulajadi dengan kuasa ghaib yang menjadi teras dalam kehidupan harian mereka.

Setiap adat dan budaya dalam masyarakat memberi pendapat mengenai alam sekeliling dan maksud semangat yang ada dalam kehidupan mereka kepada anggota masyarakatnya. Setiap perlakuan dalam masyarakat minoriti ini mempunyai hubungan dengan alam sekeliling dan makhluk halus (*supernatural*). Oleh itu untuk lebih memahami mengenai perlakuan dan pandang dunia dalam masyarakat adalah penting untuk melihat keseluruhan cara hidup.

Menurut Kearney (1988), Malinowski menjelaskan lagi bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam pembentukan diri masyarakat itu. Mitos mempunyai kaitan yang rapat dengan agama. Komuniti percaya bahawa agama